**SURAT PEKELILING BENDAHARI**
**BIL. 01/2014**

Tarikh : 11 Mei 2014

Semua Pegawai dan Staf

Y.Bhg Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN POTONGAN CUKAI BERJADUAL (PCB) MELALUI POTONGAN GAJI**

## 1.0 TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pegawai dan staff berkenaan pelaksanaan Potongan Cukai Berjadual (PCB) melalui potongan gaji.

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Potongan Cukai Berjadual (PCB) merupakan potongan wajib yang perlu dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri oleh majikan pada setiap bulan selaras dengan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan)1994 (Kaedah PCB).

2.2 Di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan)1994 tersebut, majikan adalah bertanggungjawab membuat potongan PCB daripada saraan setiap pekerja pada setiap bulan atau bulan yang berkaitan mengikut Jadual Potongan Cukai Bulanan di mana kegagalan akan menyebabkan tindakan undang-undang di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 diambil kepada majikan.

2.3 Pada masa kini pelaksanaan potongan PCB kepada pegawai dan staf INSANIAH tidak dilaksanakan secara teratur di mana hanya sebilangan pegawai dan staf sahaja yang membuat potongan PCB dan terdapat potongan yang dibuat tanpa mengikut jadual.

## 3.0 PELAKSANAAN PEMBAYARAN PCB

3.1 Pembayaran PCB akan dilaksanakan mulai gaji bulan Jun 2014 dan semua pegawai dan staf yang mempunyai pendapatan bercukai berdasarkan jadual potongan cukai bulanan yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan terlibat.

3.2 Berdasarkan jadual potongan cukai bulanan yang dikeluarkan oleh LHDN, PCB hanya dikenakan kepada pegawai dan staf yang berpendapatan ***RM2,571 dan ke atas*** dan jumlah PCB bagi setiap pegawai dan staf yang akan dikenakan adalah tertakluk kepada jumlah pendapatan bercukai dan pengecualian-pengecualian yang dibenarkan oleh LHDN.

## 4.0 PENGECUALIAN PEMBAYARAN PCB

4.1 Pembayaran PCB hanya boleh dikecualikan sekiranya pegawai atau staf memilih untuk membuat bayaran zakat bersamaan jumlah PCB yang dikenakan dan bayaran zakat hendaklah dibuat melalui potongan gaji. Borang potongan zakat boleh di dapati di Jabatan Bendahari.

4.2 Sekiranya mana-mana pegawai atau staf membayar zakat kurang daripada amaun PCB seperti di jadual potongan cukai bulanan LHDN, baki yang terkurang akan ditolak melalui potongan PCB.

4.3 Pengecualian lain hanya dibenarkan dengan kebenaran khusus dari LHDN.

## 5.0 PENGURANGAN PEMBAYARAN PCB

5.1 Semua pegawai dan staf layak untuk menuntut pengecualian-pengecualian cukai yang dibenarkan oleh LHDN bagi tujuan mengurangkan pembayaran PCB.

5.2 Pengecualian-pengecualian cukai yang layak dituntut adalah seperti di Borang TP1.

5.3 Kesemua pegawai dan staf yang ingin menuntut pengecualian cukai dikehendaki mengisi borang TP 1 dan mengemukakan borang tersebut ke Bahagian Gaji, Jabatan Bendahari untuk dikemaskini di sistem gaji.

5.4 Tuntutan pengecualian cukai menggunakan borang TP 1 boleh dibuat secara suku tahun atau dua kali setahun iaitu pada bulan Januari dan Jun setiap tahun dan hendaklah dikemukakan tidak lewat dari 7 haribulan pada bulan-bulan tersebut.

5.5 Borang TP 1 yang lewat diterima akan diproses pada bulan berikutnya.

5.6 Borang TP 1 hendaklah diisi pada setiap tahun taksiran dan ianya boleh didapati di Jabatan Bendahari atau di laman sesawang LHDN.

5.7 Sekiranya borang TP 1 tidak diisi dan dikemukakan kepada Bahagian Gaji untuk dikemaskini di sistem gaji, jumlah PCB yang dikenakan mungkin akan lebih tinggi dari jumlah sebenar yang perlu dibayar.

## 6.0 PENUTUP

Semua pegawai dan staf dipohon untuk mengambil maklum dan memberi kerjasama dalam pelaksanaan PCB ini.

Sekian, terima kasih.

والسلام

Saya yang menurut perintah,

**(MOHD. ZAMRI BIN SHAHDAN, BCK.)**
Bendahari
Kolej Universiti Insaniah

s.k Rektor

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik & Penyelidikan)

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pendaftar

# LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
# BORANG TUNTUTAN POTONGAN DAN REBAT INDIVIDU
# BAGI TUJUAN POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB)

**(KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN DARIPADA SARAAN) 1994)**
**BORANG DITETAPKAN DI BAWAH SEKSYEN 152, AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Bulan Potongan [ ] Tahun Potongan [ ]

## BAHAGIAN A : MAKLUMAT MAJIKAN

A1 Nama Majikan : 

A2 No. Majikan : E

## BAHAGIAN B : MAKLUMAT INDIVIDU

B1 Nama : 

B2 No. Pengenalan : 

B3 No. Pasport : 

B4 No. Cukai Pendapatan : 

B5 No. Pekerja/No. Gaji : 

## BAHAGIAN C : MAKLUMAT POTONGAN

| | | HAD TAHUNAN | POTONGAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | TERKUMPUL | BULAN SEMASA |
| C1 | Perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga untuk ibu bapa (keadaan kesihatan disahkan oleh pengamal perubatan) | TERHAD RM5,000 | RM | RM |
| C2 | Peralatan sokongan asas untuk kegunaan sendiri, suami/isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya | TERHAD RM5,000 | RM | RM |
| C3 | Yuran pendidikan (sendiri):<br>(i) peringkat selain Sarjana dan Doktor Falsafah – bidang undang-undang, perakaunan, kewangan Islam, teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi maklumat; atau<br>(ii) peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah – sebarang bidang atau kursus pengajian | TERHAD RM5,000 | RM | RM |
| C4 | Perbelanjaan perubatan bagi penyakit yang sukar diubati atas diri sendiri, suami /isteri atau anak — RM [ ] | TERHAD RM5,000 (C4 + C5) | RM | RM |
| C5 | Pemeriksaan perubatan penuh atas diri sendiri, suami/isteri atau anak — TERHAD RM500 [ ] | | | |
| C6 | Pembelian buku/majalah/jurnal/penerbitan ilmiah (selain suratkhabar atau bahan bacaan terlarang) untuk diri sendiri, suami/isteri atau anak | TERHAD RM1,000 | RM | RM |
| C7 | Pembelian komputer peribadi untuk individu (potongan dibenarkan sekali dalam setiap tiga tahun) | TERHAD RM3,000 | RM | RM |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| C8 | Tabungan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (jumlah simpanan dalam tahun semasa tolak jumlah pengeluaran dalam tahun semasa) | TERHAD RM6,000 | RM | |
| C9 | Pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan mengikut Akta Pembangunan Sukan 1997 | TERHAD RM300 | RM | RM |
| C10 | Bayaran alimoni kepada bekas isteri | TERHAD RM3,000 | RM | RM |
| C11 | Insurans nyawa | TERHAD RM6,000 (termasuk KWSP) | RM | RM |
| C12 | Insurans pendidikan dan perubatan | TERHAD RM3,000 | RM | RM |
| C13 | Skim Persaraan Swasta dan Anuiti tertunda *(Deferred annuity)* | TERHAD RM3,000 | RM | RM |
| C14 | Faedah pinjaman perumahan (mesti memenuhi syarat-syarat kelayakan) | TERHAD RM10,000 | RM | RM |

## BAHAGIAN D : REBAT

D1 Zakat selain yang dibayar melalui potongan daripada gaji bulanan RM

## BAHAGIAN E : AKUAN PEKERJA

Saya mengakui bahawa semua maklumat yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar, betul dan lengkap. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak benar, tindakan mahkamah boleh diambil ke atas saya di bawah perenggan 113(1)*(b)* Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tarikh [ ] - [ ] - [ ]
Hari Bulan Tahun

---------------------------------------
Tandatangan

## BAHAGIAN F : PERSETUJUAN MAJIKAN

Permohonan tuntutan pekerja di atas adalah dipersetujui bagi bulan potongan [ ] tahun potongan [ ]

Tarikh [ ] - [ ] - [ ]
Hari Bulan Tahun

Nama :
Jawatan :
Alamat majikan :

## NOTA

1. Permohonan ini adalah tertakluk kepada persetujuan majikan.
2. Borang ini hendaklah diisi oleh pekerja dan satu salinan diserahkan kepada majikan tanpa resit atau dokumen sokongan untuk tujuan pelarasan pengiraan PCB.
3. Pekerja dibenarkan untuk membuat tuntutan potongan yang telah dibelanjakan sehingga had yang dibenarkan dalam tahun yang sama.
4. Majikan tidak perlu menyemak amaun tuntutan potongan dengan resit atau dokumen sokongan.
5. Majikan hanya perlu menyimpan borang tuntutan ini untuk tempoh 7 tahun daripada tahun tuntutan dibuat. Borang tuntutan ini perlu dikemukakan sekiranya diminta oleh LHDNM.
6. Semua resit atau dokumen yang berkaitan dengan tuntutan potongan dan rebat hendaklah disimpan oleh pekerja bersama dengan salinan borang ini untuk tempoh 7 tahun daripada tahun tuntutan dibuat.

**PW 02**

## MAKLUMAT PERIBADI

NAMA

NO. KP - - B - L

NO. TENTERA / POLIS

ALAMAT PENGHANTARAN PENYATA

POSKOD

BANDAR

TEL - H / P -

EMAIL

## MAKLUMAT MAJIKAN

NAMA MAJIKAN

ALAMAT MAJIKAN/ BHG. GAJI

POSKOD

BANDAR

TEL - FAKS -

Saya dengan ini membenarkan gaji saya dipotong bagi tujuan bayaran zakat seperti berikut.

Sila tandakan (X) di petak berkenaan :

1) ☐ Membuat potongan zakat sebanyak RM . sebulan

2) ☐ Menambah potongan zakat kepada RM . sebulan

3) ☐ Mengurangkan potongan zakat kepada RM . sebulan

Potongan bermula bulan ____________ 20 ________

*Nota:*

***Niat Menunaikan Zakat :***

***Inilah wang bagi menunaikan zakat yang wajib ke atas diri saya kerana Allah***

SAYA MENGAKU TELAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SEGALA PERATURAN DI BELAKANG BORANG INI

____________________
Tarikh

____________________
Tandatangan

**BORANG POTONGAN GAJI PEKELILING ZAKAT**

COP MAJIKAN

☐ Agensi Kerajaan Negeri

☐ Agensi Kerajaan Persekutuan

☐ Badan Berkanun

☐ Anak Syarikat Kerajaan Negeri

☐ Swasta

No. Gaji / Pekerja

**KEGUNAAN JZNK**

Diterima oleh:

____________________

SALINAN MAJIKAN

**PW 02**

## BORANG POTONGAN GAJI PEKELILING ZAKAT

[illegible]

## MAKLUMAT PERIBADI

NAMA ______________________

NO. KP ___ - ___ - ___ B ___ - ___ L

NO. TENTERA / POLIS ______________________

ALAMAT PENGHANTARAN PENYATA ______________________

POSKOD ______

BANDAR ______________________

TEL ___ - ______ H / P ___ - ______

EMAIL ______________________

## MAKLUMAT MAJIKAN

NAMA MAJIKAN ______________________

ALAMAT MAJIKAN/ BHG. GAJI ______________________

POSKOD ______

BANDAR ______________________

TEL ___ - ______ FAKS ___ - ______

Saya dengan ini membenarkan gaji saya dipotong bagi tujuan bayaran zakat seperti berikut.

Sila tandakan (X) di petak berkenaan :

1) ☐ Membuat potongan zakat sebanyak RM ______ . ___ sebulan

2) ☐ Menambah potongan zakat kepada RM ______ . ___ sebulan

3) ☐ Mengurangkan potongan zakat kepada RM ______ . ___ sebulan

Potongan bermula bulan ______________ 20 ______

*Nota:*

***Niat Menunaikan Zakat :***
***Inilah wang bagi menunaikan zakat yang wajib ke atas diri saya kerana Allah***

SAYA MENGAKU TELAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SEGALA PERATURAN DI BELAKANG BORANG INI

______________________
Tarikh

______________________
Tandatangan

☐ Agensi Kerajaan Negeri

☐ Agensi Kerajaan Persekutuan

☐ Badan Berkanun

☐ Anak Syarikat Kerajaan Negeri

☐ Swasta

No. Gaji / Pekerja ______________________

### KEGUNAAN JZNK

Diterima oleh:

______________________

SALINAN JZNK

**PW 02**

## MAKLUMAT PERIBADI

NAMA

NO. KP - - B - L

NO. TENTERA / POLIS

ALAMAT PENGHANTARAN PENYATA

POSKOD

BANDAR

TEL - H / P -

EMAIL

## MAKLUMAT MAJIKAN

NAMA MAJIKAN

ALAMAT MAJIKAN/ BHG. GAJI

POSKOD

BANDAR

TEL - FAKS -

Saya dengan ini membenarkan gaji saya dipotong bagi tujuan bayaran zakat seperti berikut.

Sila tandakan (X) di petak berkenaan :

1) ☐ Membuat potongan zakat sebanyak RM . sebulan

2) ☐ Menambah potongan zakat kepada RM . sebulan

3) ☐ Mengurangkan potongan zakat kepada RM . sebulan

Potongan bermula bulan ____________ 20 ______

***Nota:***

***Niat Menunaikan Zakat :***
***Inilah wang bagi menunaikan zakat yang wajib ke atas diri saya kerana Allah***

SAYA MENGAKU TELAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SEGALA PERATURAN DI BELAKANG BORANG INI

______________ Tarikh

______________ Tandatangan

**BORANG POTONGAN GAJI PEKELILING ZAKAT**

COP MAJIKAN

☐ Agensi Kerajaan Negeri
☐ Agensi Kerajaan Persekutuan
☐ Badan Berkanun
☐ Anak Syarikat Kerajaan Negeri
☐ Swasta

No. Gaji / Pekerja

**KEGUNAAN JZNK**

Diterima oleh:

______________

SALINAN AKAUNTAN NEGARA / BENDAHARI

**PW 02**

## MAKLUMAT PERIBADI

NAMA

NO. KP - - B - L

NO. TENTERA / POLIS

ALAMAT PENGHANTARAN PENYATA

POSKOD

BANDAR

TEL - H / P -

EMAIL

## MAKLUMAT MAJIKAN

NAMA MAJIKAN

ALAMAT MAJIKAN/ BHG. GAJI

POSKOD

BANDAR

TEL - FAKS -

Saya dengan ini membenarkan gaji saya dipotong bagi tujuan bayaran zakat seperti berikut.

Sila tandakan (X) di petak berkenaan :

1) ☐ Membuat potongan zakat sebanyak RM . sebulan

2) ☐ Menambah potongan zakat kepada RM . sebulan

3) ☐ Mengurangkan potongan zakat kepada RM . sebulan

Potongan bermula bulan ____________ 20 ________

***Nota:***

***Niat Menunaikan Zakat :***
***Inilah wang bagi menunaikan zakat yang wajib ke atas diri saya kerana Allah***

SAYA MENGAKU TELAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SEGALA PERATURAN DI BELAKANG BORANG INI

________________ Tarikh

________________ Tandatangan

**BORANG POTONGAN GAJI PEKELILING ZAKAT**

COP MAJIKAN

☐ Agensi Kerajaan Negeri
☐ Agensi Kerajaan Persekutuan
☐ Badan Berkanun
☐ Anak Syarikat Kerajaan Negeri
☐ Swasta

No. Gaji / Pekerja

**KEGUNAAN JZNK**

Diterima oleh:

________________

SALINAN PEMOHON